

Masalah kewangan bukan halangan, pelajar diminta segera hubungi IPTA, KPT

• Oleh Berita Harian , 14 Ogos 2026 @ 7:44pm



MMenteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd. - Foto fail BERNAMA

Pelajar yang menerima tawaran kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tetapi berdepan masalah kewangan dinasihatkan supaya segera menghubungi pihak institusi berkenaan atau Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi mendapatkan bantuan dan

penyelesaian. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, menegaskan perkara utama adalah memastikan pelajar mendaftar dan meneruskan pengajian tanpa menjadikan kekangan kewangan sebagai penghalang.

Tahun ini, seramai 82,092 calon ditawarkan tempat pengajian peringkat ijazah sarjana muda di 20 universiti awam, iaitu 76.10 peratus daripada 107,875 permohonan yang layak. KPT turut menyediakan sebanyak 1,146 program pengajian, dengan kemasukan dibuat berdasarkan prinsip meritokrasi bagi memastikan peluang pendidikan tinggi diberikan kepada calon yang memenuhi kelayakan.